

**NO. SOALAN: 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**TARIKH : 16MAC 2016**

**RUJUKAN : 8598**

**SOALAN:**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah anggota polis di Sibu dan adakah pihak polis mengalami kekurangan anggota polis serta bilakah pihak Kementerian bercadang untuk meletakkan jurubahasa atau "interpreter" di setiap pejabat polis memandangkan masih banyak orang di Sibu tidak faham Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Ibu Pejabat Polis Daerah Sibul, Sarawak mempunyai sejumlah 627 perjawatan keseluruhannya. Namun daripada jumlah tersebut, pengisian terkini adalah seramai 560 pegawai dan anggota. Kekosongan adalah sebanyak 67 perjawatan.

Pecahan pengisian dan kekosongan perjawatan bagi Ibu Pejabat Polis Daerah Sibul sehingga akhir Januari 2016 seperti berikut:-

PANGKAT	PERJAWATAN	KEKUATAN	KOSONG
ACP	1	1	0
SUPT	1	1	0
DSP	3	2	1
ASP	17	14	3
ASP KUP	47	7	15
INSP		25	
<b>JUMLAH</b>	<b>69</b>	<b>50</b>	<b>19</b>
SI	5	2	3
SM	7	3	4
SJN / SM	61	43	18
KPL / SJN / SM	4	3	1
KPL	116	116	0
KONS / L/KPL/ KPL	295	287	8
<b>JUMLAH</b>	<b>488</b>	<b>454</b>	<b>34</b>
SM/S	0	0	0
SJN/S	0	0	0
KPL/S	4	1	3
KONS/S / L/KPL/S / KPL/S	66	55	11
<b>JUMLAH UNIFORM</b>	<b>627</b>	<b>560</b>	<b>67</b>

Bagi perjawatan jurubahasa atau "*interpreter*" di setiap pejabat polis, pihak PDRM tidak dapat menyediakan kemudahan tersebut kerana tiada perjawatan khusus untuk tujuan tersebut.